

ALLAH LANJUTKAN USIA D.Y.M.M.

Penduduk2 Di-Seluruh Negara Amat Bergembira Menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda

BANDAR BRUNEI. — Negeri Brunei akan menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Omar Ali Saifuddin kali yang ka-empat puluh tujuh dengan mengadakan berbagai2 acara yang lebih meriah lagi daripada sambutan2 Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda yang telah di-adakan pada tahun2 yang lalu di-Bandar Brunei, Kuala Belait, Tutong dan Temburong.

Sambutan2 di-Bandar Brunei akan di-mulai pada hari Khamis 19 September dan di-akhiri pada hari Ahad 29 September. Sambutan2 di-K. Belait akan di-mulai pada hari Sabtu 21 September dan di-akhiri pada hari Ahad 29 September. Sambutan2 di-Tutong akan di-adakan mulai pada hari Ahad 22 September dan di-akhiri pada hari Sabtu 28 September, manakala sambutan2 di-Pekan Bangar, Temburong akan di-adakan pada hari Khamis 26 September dan pada hari Juma'at 27 September.

Satu istiadat Barisan Kehormatan bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda akan di-adakan di-Bandar Brunei pada hari Isnin 23 September mulai dari pukul 7.30 pagi.

Pasokan Pulis Brunei, Pasokan Askar Melayu Brunei, Pasokan Keselamatan dan Pasokan Pancharagam Pulis Brunei akan berbaris di-istiadat tersebut. Pasokan2 Pengakap, Pandu Puteri, Palang Merah, Pegawai2 Kas-

tam, Pegawai2 Laut, Maktab Perguruan Melayu Brunei serta murid2 sekolah akan turut mengambil bahagian di-istiadat tersebut.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir akan tiba di-istiadat tersebut pada pukul 7.50 pagi di turuti oleh Pengarah Gerakan2 Tentera di-Borneo Major General W. C. Walker; Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Brunei dan Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei.

TABEK KEHORMATAN DI-RAJA

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan akan berangkat dari Istana Darul Hana pada pukul 8.10 pagi dan pada masa itu tembakan meriam sa-banyak 21 das akan di-lakukan. Baginda



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin D.K., P.S.P.N.B., P.S.N.B., S.P.M.B., D.M.N., D.K. (Kelantan), D.K. (Johor), D.K. (Selangor), K.C.M.G. Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei Darul Salam

akan di-sambut dengan Tabek Kehormatan Di-Raja pada masa Baginda tiba di-istiadat tersebut dan Lagu Kebangsaan Brunei akan di-bunyikan.

Kemudian Duli Yang Maha Mulia akan berangkat memereksa Barisan dan balek ka-Pentas Di-Raja. Sa-lepas itu Pasokan2 yang berbaris akan menyuarakan 3 kali sorak bagi Duli Yang Maha Mulia, di-ikuti dengan Tabek Diraja.

Sa-baik sahaja selesai acara tersebut Pasokan Pulis, Pasokan Askar Melayu Brunei dan Pasokan Keselamatan akan berjalan melalui hadapan Duli Yang Maha Mulia dan balek ka-tempat masing2 sa-mula.

Istiadat tersebut di-akhiri dengan Tabek Di-Raja dan Lagu Kebangsaan Brunei.

Satu Istiadat Mengadap akan

di-adakan di-Istana Darul Hana mulai pada pukul 10 pagi hari Isnin 23 September di-ikuti dengan Istiadat Mengurniakan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2.

PERBARISAN DI-BELAIT

Istiadat Barisan Kehormatan bagi menyambut Hari Jadi Baginda di-Daerah Belait akan di-adakan di-Tanah Lapang di-Jalan Bunga Raya, Kuala Belait pada hari Rabu 25 September, mulai pada pukul 5.30 petang.

Pasokan2 yang akan mengambil bahagian di-istiadat tersebut ialah Pasokan Tentera, Pasokan Pulis Brunei, Pasokan Pulis Simpanan Brunei, pertubohan2 sukarela dan murid2 sekolah.

Istiadat Perbarisan di-Daerah Tutong pula akan di-adakan pada hari Juma'at 27 September.

Istiadat tersebut akan di-adakan di-kawasan Bangunan Pejabat Daerah Tutong mulai pada pukul 8 pagi.

Istiadat Perbarisan di-Daerah Temburong akan di-adakan di-Pekan Bangar, Temburong pada hari Juma'at 27 September.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-jangka akan memereksa Perbarisan Kehormatan tersebut pada pukul 8.30 pagi.

Achara2 sambutan di-Bandar Brunei ada-lah seperti di-bawah ini:

19 Septembr: 7.30 malam — Pembukaan Rasmi Achara2 Pelayaan oleh Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarulzaman di-dewan Maktab S.O.A.S. dan di-ikuti dengan pertandingan pemilehan "Mister" dan "Miss" Brunei Tahun 1963.

20 September: 8 malam — Pertandingan akhir "Mister" dan "Miss" Brunei di-dewan Maktab S.O.A.S.

21 September: 5 petang —

(Lihat. Muka. 4)

Minggu Pelajaran Mendapat Sambutan Yang Baik

BANDAR BRUNEI. — Tujuan yang besar di-adakan MINGGU PELAJARAN ia-lah supaya memberi peluang kepada ibu bapa melihat apa yang sedang di-buat di-dalam sekolah2 supaya mereka sendiri dapat meninggikan darjah pelajaran anak2 di-rumah. Demikian kata Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Yang Berhormat Inche Malcolm MacInnes ketika berucap melalui Radio Brunei pada malam Ahad yang lalu sa-bagai menyambut MINGGU PELAJARAN yang telah di-mulai sejak menjak hari Ahad 15 September dan akan di-teruskan sa-hingga ka-hari Juma'at 20 September, 1963.

Yang Berhormat Inche MacInnes berkata dalam ucapan-nya itu bahawa ini-lah kali yang pertama di-adakan MINGGU PELAJARAN di-Negeri Brunei dan sambutan itu hanya di-adakan di-Sekolah2 Melayu sahaja.

Tujuan-nya mengadakan MINGGU PELAJARAN ini, kata-nya ia-lah untuk memberi peluang kepada ibu bapa supaya dapatlah mereka mengetahui dengan lebeh luas lagi hal ehwal sekolah2 di-mana anak2 mereka belajar dan memberi peluang kepada mereka bertemu ramah dengan guru2 berkenaan dengan pelajaran anak2 mereka.

PELAJARAN

"Pelajaran sa-saorang kanak2 mulai apabila sahaja ia di-lahirkan. Di-masa ia mula2 di-lahirkan, guru2-nya ia-lah ibu bapa, abang, kakak-nya dan sa-belum ia memasuki belajar di-dalam sa-sabuah sekolah di-masa ia berumur lebeh kurang 5 atau 6 tahun ia sudah tahu berchakap dan mengeluarkan fikiran-nya sendiri, memakai pakaian-nya sendiri serta menggunakan tangan-nya dengan membuat benda2 yang susah.

Apabila ia berumur 5 atau 6 tahun ia sudah bersedia untuk di-ajar perkara2 yang lebeh susah lagi seperti menulis, membaca dan menghitong. Sebab itu-lah ia di-hantar untuk belajar di-sekolah di-mana ia akan menerima ajaran dari guru2 yang telah di-beri latehan khas mengenai chara2 mengajar yang baharu.

PERHUBONGAN

"Sungguh pun begitu, pelajaran di-rumah bagi kanak2 itu patut-lah di-teruskan. Apabila kanak2 itu di-hantar ka-sekolah pelajaran kanak2 itu patut-lah dijadikan suatu perusahaan yang berhubung rapat antara rumah-nya dan sekolah-nya," kata Inche MacInnes.

Pegawai Pelajaran Negara, Brunei itu berharap kepada semua ibu bapa kanak2 yang di-Sekolah2 Melayu akan berusaha sa-berapa yang boleh mengambil peluang menziarahi sekolah2 dan bekerjasama yang penoh dengan guru2 serta menggalakkan anak2 mereka belajar dengan sa-berapa boleh dan bersungguh2-nya supaya mereka mendapat keutungan yang penoh daripada peluang2 yang di-beri kepada mereka.

Pengelola Pelajaran Melayu Negeri Brunei, Inche Noordin bin Abdul Latif juga telah memberi ucapan berhubung dengan sambutan MINGGU PELAJARAN

melalui Radio Brunei pada malam Ahad yang lalu.

Dalam ucapan-nya, Inche Noordin berkata bahawa perka-taan "Minggu Pelajaran" itu mungkin satu perkara yang baharu kepada kita semua, kerana sa-belum-nya hal ini, tidak-lah pernah pula kita lakukan di-Negeri Brunei ini.

Sa-benar-nya, kata Inche Noordin, Minggu Pelajaran yang di-adakan ini ada-lah sa-bagai mengganti "HARI IBU BAPA" yang biasa dan pernah kita lakukan pada tiap2 tahun yang lepas.

"Minggu Pelajaran sunggohnya mempunyai banyak persamaan dengan Hari Ibu Bapa. Kalau dahulu-nya ibu bapa dan penjaga murid2 berpeluang menyaksikan hasil usaha anak2 tuan2 dan puan2 dalam beberapa segi, maka pada tahun ini tuan2 dan puan2 akan dapat juga menyaksikan perkara2 itu yang banyak persamaan-nya dengan temasha Hari Ibu Bapa.

PERSEKOLAHAN

"Tetapi bedza-nya Minggu Pelajaran yang di-adakan ini kebanyakan-nya menitek beratkan untuk memperjuangkan hal2 yang berkisar dengan pelajaran yang di-ajar di-Sekolah pada sapanjang hari persekolahan", kata Inche Noordin.

Seterus-nya beliau menerangkan bahawa tiap2 buah Sekolah Melayu di-Negeri Brunei hanya di-beri peluang sa-hari sahaja untuk mengadakan Minggu Pelajaran-nya di-Sekolah masing2 dari tarikh Minggu Pelajaran itu di-mulai, ia-itu dari 15 September hingga ka-20 September.

BELAJAR DI-CANADA

BERAKAS. — Dua orang penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei yang telah lulus peperiksaan Sijil Persekolahan Tertinggi pada tahun yang lalu telah berlepas ka-Canada untuk melanjutkan pelajaran masing2.

Mereka ia-lah Inche Zainal

Tujuan2 mengadakan Minggu Pelajaran ini ia-lah untuk memberi peluang kepada ibu bapa dan penjaga murid2 datang melawat dan menyaksikan anak2 mereka mempelajari berbagai2 jenis pelajaran di-sekolah, umpamanya menyaksikan chara murid2 belajar, berkebun, menjahit, bertukang, bermain, bernyanyi dan mempelajari mata2 pelajaran yang di-ajar oleh guru2 kanak2 itu.

PENINJAUAN

"Dari hasil peninjauan dan pemerhatian tuan2 dan puan2 itu kelak, maka tuan2 dan puan2 akan dapat meletakkan penentuan pertimbangan dan penilaian yang sa-wajar-nya. Oleh itu datang-lah menyaksikan Minggu Pelajaran di-sekolah kampung masing2.

"Kira-nya ibu bapa atau penjaga murid2 sendiri menyedari akan sebab2 kemundoran anak2 dalam pelajaran-nya, maka bantuan dan kerjasama dari ibu bapa sekalian ada-lah di-pohonkan untuk mengetahui segala kesulitan dan kepinchangan itu.

Bagi pehak Jabatan Pelajaran Negeri Brunei, Inche Noordin berseru kepada ibu bapa atau penjaga murid2 sekalian agar mereka dapat menghadiri dan menyaksikan kemajuan anak2 mereka pada masa MINGGU PELAJARAN di-lancarkan di-sekolah masing2.

Beliau juga menguchapkan berbanyak2 terima kasih kepada semua Nadzir2, Guru2 Besar, sekalian guru2 Sekolah2 Melayu dan lain2-nya yang bekerjasama bagi menjayakan MINGGU PELAJARAN itu.

MENDAPAT IJAZAH PERTANIAN



INCHE ABU BAKAR

Inche Abu Bakar bin Abdul Rahman telah kembali ka-Brunei dari United Kingdom baharu2 ini sa-lepas memperoleh ijazah dalam Ilmu Pertanian di-sa-buah Maktab Pertanian England. Inche Abu Bakar ia-lah orang bekas penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Ia telah pergi ka-U.K. dalam bulan September 1959 untuk melanjutkan pelajaran sa-lama sa-tahun di-Maktab Wilson, Blackheath, London sa-lama sa-tahun. Kemudian ia telah belajar membuat pekerjaan luar di-sa-buah ladang di-Bedfordshire sa-lama sa-tahun. Sa-lepas itu ia telah menghadiri kursus pertanian di-Maktab Shuttleworth di-Bedfordshire dan mendapat ijazah dari maktab itu dalam bulan June tahun ini. Inche Abu Bakar ia-lah anakanda Inche Abdul Rahman bekas kerani di-Ibu Pejabat Pulis Negeri Brunei. Pada masa ini Inche Abdul Rahman sedang bersara.

Melanjutkan Pelajaran Di-England

BERAKAS. — Tiga orang guru2 sekolah, ia-itu dua orang lelaki dan sa-orang perempuan telah ber'epas ka-United Kingdom dengan kapal terbang pada hari Rabu yang lalu untuk melanjutkan pelajaran di-sana, atas biasiswa Kerajaan.

Guru2 itu ia-lah Inche Zaini bin Abdul Hamid, sa-orang pen-sharah di-Maktab Perguruan Melayu Brunei; Puan Masni binti Awang, sa-orang guru per-chubaaan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan Inche Yew Teck Hin, sa-orang guru perchubaaan di-Maktab Anthony Abell, Seria.

Inche Zaini akan melanjutkan pelajaran-nya di-Maktab Brighton dalam jurusan lukisan dan pertukangan tangan. Ia telah tamat ber'ateh di-Maktab Latehan Guru2 Batu Lintang, Kuching. Kemudian ia telah di-hantarkan oleh Kerajaan Brunei untuk menghadiri kursus perguruan dalam bahagian lukisan dan pertukangan tangan di-Kuala Lumpur sa-lama satu tahun pula.

Puan Masni dan Inche Teck Hin akan belajar di-sa-buah maktab di-England untuk memperoleh ijazah dalam ilmu perguruan.

MINGGU PELAJARAN

15 - 20 SEPTEMBER, 1963

MARI-LAH KITA MENYAKSIKAN PELAJARAN ANAK2 KITA DI-SEKOLAH2 MELAYU

PENDAFTARAN BAKAL2 HAJI UNTUK TAHUN 1964

BANDAR BRUNEI.—Orang2 Islam di-seluruh Negeri Brunei yang berazam hendak menunaikan fardhu Haji dalam tahun hadapan, akan tetapi belum lagi mendaftarkan nama2 mereka ada-lah di-minta mendaftarkan nama2 mereka di-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei tidak lewat dari hari Isnin 30 September, 1963.

PERSATUAN GERAKAN PAKATAN PEMUDA SUKARELA

TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong, Inche Abdul Ghani bin Hassan telah merasmikan pembukaan Meshuarat Agong Persatuan Gerakan Pakatan Pemuda Sukarela, Tutong.

Meshuarat Agong persatuan tersebut telah di-langsungkan di-Seko'ah Melayu Muda Hashim, Tutong baharu2 ini dan di-peng-sikan oleh Pengerusi Tetap Persatuan tersebut, Chegu Abdullah bin P.H.A. Bakar.

Pegawai2 baharu P.G.P.P.S.T. yang telah di-lantek dalam meshuarat tersebut ia-lah seperti dibawah ini:

Naib Yang Dipertua Agong — Inche Emran bin Hussin dan Setia Usaha Agong — Inche Sharif Naweh.

Menurut perlembagaan persatuan tersebut, lain2 ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi persatuan itu pada tahun ini ada-lah di-kekalkan. Mereka ia-lah seperti berikut:

Yang Dipertua Agong—Chegu Ibrahim bin Mohamed Said. Penyimpan Wang — Chegu Marsal Lagong. Penolong Setia Usaha Agong — Inche Abdul Hadi Manan.

Ahli2 Jawatan Kuasa — Inche Matamit Iradat, Inche Kamaludin bin P.H.A. Bakar, Inche Yahya Yusof dan Puan Safiah binti Dato Haji Yusof.

38 Orang Lagi Di-Bebaskan

BUNUT. — Seramai 38 orang2 tahanan dari Pusat Pemulehan Sa-mula di-Bunut telah di-bebaskan pada hari Rabu yang lalu setelah menjalani kursus pemulehan sa-mula sa-lama sa-puloh hari.

Mereka yang telah di-bebaskan itu ada-lah dari kumpolan yang ka-13 bekas orang2 tahanan yang telah di-pindahkan dari Khemah Tahanan Berakas ka-Pusat Pemulehan Sa-mula di-Bunut untuk menjalani kursus tersebut. Dengan ini, seramai 759 bekas orang2 tahanan telah di-bebaskan dari Pusat Pemulehan Sa-mula itu.

Pada masa menghadhiri kursus tersebut, bekas orang2 tahanan itu telah mendengar sharahan2 mengenai tata tertib kemasharakatan, bahaya faham komunis, sharahan2 ugama dan lain2-nya.

Pegawai2 Kerajaan Brunei yang berhajat hendak menunaikan fardhu Haji atas perbelanjaan perchuma Kerajaan, adalah di-minta membuat permohonan saberaapa segera dengan Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Menurut keterangan Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin segala permohonan yang di-terima oleh Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei sa-lepas dari tarikh tersebut tidak-lah akan di-beri layanan.

Borang2 permohonan itu boleh-lah di-dapati dari Pejabat

Hal Ehwal Ugama, Brunei; Pejabat2 Kadhi atau pun dari Pejabat2 Daerah dalam negeri ini.

Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei menerangkan lagi bahawa tiap2 borang permohonan itu hendaklah mengikut peratoran yang tertentu ia-itu mengandungi sharat2 yang di-kehendaki.

Borang2 permohonan itu, kata beliau, hendaklah juga disertakan dengan dua keping gambar pemohon, ia-itu sa-keping gambar hendaklah di-lekatkan di-tempat yang di-khaskan dalam borang permohonan itu.

Selanjut-nya beliau berkata bahawa permohonan2 itu hendaklah di-sertakan dengan Surat Akuan Sehat daripada Tabib yang bertaualiah.

Borang2 pepereksaan Tabib itu boleh-lah di-dapati daripada pejabat2 tersebut.



Inche Abdullah (kiri) dan Inche Salleh (kanan)

MENGHADHIRI KURSUS PENTADBIRAN DI-ENGLAND

BERAKAS. — Inche Salleh bin Hidup, Penolong Pegawai Daerah Tutong dan Inche Abdullah bin Haji Mohamed Ja'afar, Penolong Pegawai Daerah Temburong telah berlepas dengan kapal terbang dari Brunei ka-England melalui Singapura pada petang hari Rabu yang lalu untuk menghadhiri kursus pentadbiran awam dan kemasharakatan di-sa-buah maktab di-Torquay, Devon, England sa-lama sa-tahun.

Inche Salleh dan Inche Abdullah telah tamat menghadhiri kursus pentadbiran awam sa-lama enam bulan di-Malaya sa-belum di-lantek menjadi Penolong2 Pegawai Daerah di-negeri ini.

WAKTU2 SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 18 September hingga hari Isnin 30 September, 1963 ada-lah seperti di-bawah ini:—

H. Bulan	Amsak	Suboh	Dzohor	'Asar	Maghrib	Isha
18	4.37	4.52	12.20	3.40	6.25	7.37
19	4.37	4.52	12.20	3.40	6.24	7.37
20	4.37	4.52	12.20	3.40	6.24	7.37
21	4.37	4.52	12.19	3.39	6.23	7.36
22	4.37	4.52	12.19	3.39	6.23	7.36
23	4.37	4.52	12.19	3.39	6.23	7.36
24	4.37	4.52	12.19	3.39	6.22	7.35
25	4.37	4.52	12.19	3.39	6.22	7.35
26	4.36	4.51	12.18	3.38	6.21	7.34
27	4.36	4.51	12.18	3.37	6.20	7.33
28	4.36	4.51	12.18	3.37	6.20	7.33
29	4.36	4.51	12.18	3.37	6.20	7.33
30	4.36	4.51	12.18	3.37	6.20	7.33

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

MENINGGAL DUNIA

KAMPONG KIANG-GEH. — Dayangku Nor-mala, chuchunda kapada Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamis telah meninggal dunia di-Kampung Sungai Kianggeh pada malam 8 September, 1963.

Allah yarhamha ia-lah piut kapada Duli Yang Maha Mulia Al-Marhum Sultan Hashim Jalilul Alam Akamuddin.

Bendera2 di-seluruh Negeri Brunei telah di-kibarkan sa-paroh tiang pada 9 September sa-bagai menghormati atas kemangkatan Allah yarhamha.

Jenazah Allah yarhamha telah selamat di-kebumikan di-Makam Diraja pada 9 September.

KUALA BELAIT.

Sa-orang Pegawai Kanan Polis Malaya, A.S.P. Raja Shahrizzaman bin Raja Kamarulbahrin telah meninggal dunia di-Rumah Sakit Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-Kuala Belait pada malam 10 September, 1963.

A.S.P. Raja Shahrizzaman telah di-pinjamkan oleh Kerajaan Malaya kapada Kerajaan Brunei dan telah berkhidmat sa-bagai Pegawai Yang Menjaga, Pasokan Pulis Simpanan di-Seria semenjak bulan January tahun 1962 hingga-lah ka-masa beliau meninggal dunia.

Jenazah Al-marhom itu telah di-bawa ka-Malaya dengan kapal terbang pada hari Khamis yang lalu untuk di-kebumikan di-sana.

Dato Paduka Doktor Brand Tiba

BERAKAS. — Dato Paduka Doktor Brand, sa-orang Tabib Peribadi kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari England pada hari Juma'at yang lalu.

Beliau telah di-temui di-Lapangan Terbang Brunei di-Berakas ketika tiba dari London oleh Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka Negari Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar dan Yang Mulia Pengiran Haji Momin bin Pengiran Othman.

Dalam satu wawanchara dengan Dato Paduka Doktor Brand sa-jurus sa-telah beliau tiba di-Lapangan Terbang Brunei, beliau berkata kapada wartawan akhbar ini, bahawa tujuan kedatangannya ka-Brunei pada kali ini ia-lah untuk menghadhiri perayaan2 bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

SAMBUTAN2 HARI JADI BAGINDA

(Dari Muka 1)

Pertandingan bola keranjang di-kawasan Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah Chung Hwa, Bandar Brunei. 8 malam — Majlis Tari Menari di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei.

22 September: 8 pagi—Perlumbaan Perahu di-Sungai Brunei. 3 petang—Pameran Lukisan di-hakimkan. 5.30 petang — Pertandingan bola keranjang di-kawasan sukan Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah Chung Hwa, Bandar Brunei. 7 malam—Peraduan berchuchol dan peraduan Pintu Gerbang di-mulai.

23 September: 7.30 pagi—Istiadat Perbarisan Kehormatan di-mulai. 10 pagi — Istiadat Mengadap di-Istana Darul Hana di-ikuti oleh Istiadat Mengurniakan Bintang2 dan Pingat2. 1.30 petang—Perarakan Kereta Berhias dan Basikal Berhias. 2 petang—Pertandingan Sukan di-Padang Besar, Bandar Brunei. 4 petang—Upacara menyampaikan hadiah2 Pameran Lukisan. Kemudian pameran itu dibuka kepada orang ramai. 5.30 petang — Pertandingan bola keranjang. 6 petang — Pameran Kebudayaan di-mulai. 7 malam — Peraduan Berchuchol dan Pintu Gerbang. Peraduan tinglong berjalan kaki dan kereta berhias mengelilingi Bandar Brunei. Perarakan kenaikan laut di-Sungai Brunei di-mulai. 7.30 malam Pemantasan Sandiwara dan Permainan Joget di-Padang Besar, Bandar Brunei. Pameran dari Sharikat Minyak Shell, Pasar Gembira Pengakap2 di-Padang Besar Bandar Brunei. Pertandingan akhir Silat dan Kuntau di-Istana Darul Hana.

24 September: 4.45 petang — Pertandingan akhir bola sepak di-Padang Besar, Bandar Brunei. 7 malam — Peraduan Berchuchol dan Pintu Gerbang. 7.30 malam Malam Kebudayaan dan Kesenian Antara Bangsa, Joget dan Gendang, Pameran Kebudayaan, Pameran Sharikat Minyak Shell, Pasar Gembira Pengakap dan lain2-nya di-Padang Besar, Bandar Brunei. 8 malam — Pertandingan akhir Sepak Raga Jaring di-kawasan tennis, Bandar Brunei.

25 September: 4.45 petang — Pertandingan bola sepak di-antara Pasokan Bandar Brunei dan Pasokan Keselamatan di-Padang Besar, Bandar Brunei 7 malam — Peraduan Berchuchol dan Pintu Gerbang. 7.30 malam

—Malam Kesenian dan Kebudayaan persembahan Sekolah2. Pasokan Keselamatan, Pameran Kebudayaan, Pameran Sharikat Minyak Shell, Pasar Gembira Pengakap2 dan lain2-nya di-Padang Besar, Bandar Brunei.

26 September. 4.45 petang — Pertandingan bola sepak antara Pasokan Bandar Brunei dan Pasokan Keselamatan di-Negeri Brunei di-Padang Besar, Bandar Brunei. 7.30 malam — Pemantasan Kaum China, Pameran Sharikat Minyak Shell, Pasar Gembira Pengakap2 dan lain2-nya di-Padang Besar, Bandar Brunei.

29 September: 9 pagi — Pertandingan "Go-Kart" di-Bandar Brunei.

Penduduk2 di-Daerah Belait akan mengadakan Pasar Gembira di-tanah lapang di-Jalan Bunga Raya, Kuala Belait mulai dari malam 21 September hingga ka-malam 28 September. Berbagai2 pertunjukan dan pertandingan akan di-adakan di-temasha itu.

Menurut ranchangan yang telah

di tetapkan Jawatan Kuasa Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan D.Y.M.M. Daerah Belait telah menjemput beberapa orang Bintang2 Filem yang terkenal dari Singapura untuk mempersembahkan nyanyian, tarian dan lakonan mereka mulai daripada malam 23 September hingga ka-malam 28 September. Persembahan dari Bintang2 Filem Singapura itu akan di-adakan di-sa-buah pentas yang khas di-Pasar Gembira tersebut mulai dari pukul 7 malam.

Pertandingan berchuchol dan pintu gerbang di-Daerah Belait akan di-mulai dari malam 21 September hingga ka-malam 28 September.

Pertandingan "Go-Kart" akan di-adakan di-Jalan Bunga Raya, Kuala Belait pada 21 September mulai dari pukul 7 malam dan pertunjukan Bunga Api akan di-adakan di-kawasan Pasar Gembira itu mulai pada pukul 8.30 malam 21 dan 25 September. Pada malam 22 September akan di-adakan Temasha Tari Menari di-dewan

S.R.C. Seria.

Di-antara lain2 acara yang akan di-adakan di-Daerah Belait bagi menyambut Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia ia-lah: Peraduan Bachaan Al-Koran, Pameran Bunga Anggerik, Cirkus, Perlumbaan Perahu, Pertunjukan Lukisan dan Gambar2, Pertandingan "Talentime", Peraduan Kesehatan Kanak2, Pertunjukan Silat dan Kuntau, Joget dan Gendang Sarawak, Peraduan Ratu Kebaya dan lain2-nya.

Pertandingan akhir bola sepak untuk merebutkan Perisai Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei di-antara murid2 sekolah di-Daerah Belait akan di-langsungkan di-Kuala Belait pada 26 September mulai pukul 4.45 petang. Pada petang 28 September satu pertandingan bola sepak akan di-langsungkan di-padang K.B.R.C. Kuala Belait di-antara Pasokan Negeri Brunei dan satu pasukan dari Sarawak, manakala pada petang 29 September pula Pasokan Daerah Belait akan melawan Pasokan Bola Sepak Daerah Brunei di-padang K.B.R.C.

Penduduk2 Di-Daerah Tutong akan menyambut Hari Jadi Baginda dengan mengadakan sambutan2 seperti di-bawah ini:

22 September dan 23 September: 7 malam hingga 12 malam—Peraduan Berchuchol dengan menggunakan lampu2 elektrik atau minyak gas.

27 September: 8 pagi — Istiadat Perbarisan Kehormatan di-kawasan Bangunan Pejabat Daerah Tutong. 9 pagi — Perlumbaan perahu dan motor sangkut di-Sungai Tutong. 8 malam — Temasha Malam Gembira bertempat di-kawasan Bangunan Pejabat Daerah Tutong.

28 September: 7.30 malam — Wayang gambar dan permainan pancharagam oleh Pasokan Keselamatan.

26-28 September: Siang dan malam —Pasar Gembira.

Acara2 sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda di-Pekan Bangar, Temburong ada-lah seperti di-bawah ini:

26 September: pagi — Sambutan Minggu Pelajaran di-Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar. Siang dan Malam — Pasar Gembira. Mulai dari pukul 3 hingga ka-pukul 4.30 petang akan di-adakan Sukan Gembira oleh kanak2 sekolah. 5 petang — Pembukaan Rasmi Kelab Temburong oleh Pegawai Daerah Temburong, Inche Mat Noor McAfee. 7.30 malam — Peraduan Bazhaan Koran dan di-akhiri dengan bacaan do'a selamat.

27 September: 8.30 pagi — Duli Yang Maha Mulia di-jangka memereksa Perbarisan Kehormatan. Kemudian Baginda di-jangka akan merasmikan pembukaan Taman Kanak2 dan melihat pertunjukan mengamping. Pameran pertunjukan oleh kanak2 Sekolah dan perlumbaan perahu akan di-adakan pada hari itu. Pasar Gembira akan di-adakan sepanjang hari itu dan di-teruskan hingga ka-sa-belah malam. Pada malam itu juga akan di-adakan Bergendang hingga ka-pertengahan malam.

Y.T.M. DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA KA-MALAYA

BERAKAS. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei telah berlepas dari sini ka-Malaya dengan kapal terbang baharu2 ini sa-lepas menyempurnakan kelepasan persekolahan di-Tanah Ayer.

Turut berangkat bersama2 dengan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei ia-lah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, ia-itu putera yang ke-dua kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Yusof, putera Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan Yang Mulia Awangku Kamarulzaman, putera Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Timbalan Menteri Besar, Brunei.

Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Indra Dewa Awang Musa bin Hitam telah mengiringi

Putera2 Di-Raja tersebut ka-Malaya.

DO'A KHAS Hari Jadi D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Ugama Islam Negeri Brunei akan menyediakan satu Do'a Khas untuk di-bachakan oleh Mufti Kerajaan Brunei, Sahibul Fadhilah Tuar, Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz pada masa di-adakan istiadat menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Pasiban Agong, Istana Darul Hana pada hari Isnin 23 September, 1963. Demikian menurut keterangan Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kamaludin.

Beliau berkata lagi bahawa Do'a Khas itu akan di-bachakan oleh Imam2 Masjid2 di-seluruh Negeri Brunei sa-lepas sembahyang maghrib pada 22 September dan sa-kali lagi pada masa di-adakan upacara sembahyang Juma'at di-mesjid2 di-seluruh Negeri Brunei pada hari Juma'at 27 September.

Inche Duncan Sandys Mengadap D.Y.M.M.

BERAKAS. — Setia Usaha Tanah2 Jajahan Ingeris, Inche Duncan Sandys telah singgah di-Brunei selama beberapa jam dalam perjalanan beliau dari Malaya ka-Sabah pada hari Sabtu yang lalu.

Beliau di-sambut di-Lapangan Terbang Brunei oleh Pesuruh Jaya Tinggi Ingeris di-Brunei, Yang Terutama Inche A.M. MacIntosh. Kemudian Inche Sandys telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Istana Darul Hana.

LANJUTKAN-LAH USIA BAGINDA

Mari-lah ra'ayat sekalian Berdo'a-lah kapada-nya Tohan Menyambut hari Keputeraan Paduka Maulana Al-Sultan.

Mari-lah kita berdo'a Sa-moga di-lanjutkan usia Paduka-nya Seri Baginda Dan Putera serta Puteri-nya.

SUARA RAMAI:

Bahagia dan bahagia Negara dan ra'ayat-nya Hidup aman sejahtera Untuk selama2-nya. Aman dan ma'mor di-do'akan Negara ra'ayat dan Sultan Selamat di-ucapkan Di-hari Keputeraan.

Lagu tersebut ia-lah hasil chip-taan Inche Awang Besar Sagap S.M.B, Senikata-nya di-karangkan oleh Inche Abdul Wahab Mohammad.

Lagu ini mulai di-perdengarkan oleh Radio Brunei Bahagian Melayu pada 9 September, 1963.

PESTA KEBUDAYAAN DI-BANDAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Satu Pesta Kebudayaan kerana menyambut dan merayakan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan akan di-adakan pada Julong2 kali di-Bandar Brunei bertempat di-Padang Besar di-sini sa-lama tiga hari mulai dari hari Isnin 23 September hingga ka-hari Rabu 25 September.

Pesta Kebudayaan itu ada-lah mengandungi: Malam kebudayaan, sandiwara, pertunjukan aneka seni dan budaya, joget dan gendang, pameran barang2 kesenian dan kebudayaan Brunei.

Pameran barang2 kesenian dan

kebudayaan itu akan mengandungi semua jenis pertukangan yang berbentuk lama dan baharu yang di-perbuat dari kayu, perak, tembaga, emas dan lain2-nya termasuk-lah anyaman2 dan barang2 yang di-sulam atau di-tenun.

Orang2 yang ingin menghantar barang2 yang akan di-pamerkan di-temasha tersebut boleh-lah menghantar barang2 mereka atau pun berhubung dengan Tuan Haji Tariff bin Pehin Orang Kaya Seri Wangsa Haji Mohamed di-Pejabat Kastam Di-Raja, Bandar Brunei atau pun Tuan Haji Besar bin Kadut di-Kampung Sabah, Brunei sa-lewat2-nya pada hari Sabtu 21 September, 1963.

D.Y.M.M. Mengucapkan Selamat Berkursus Kapada Pegawai-Pegawai Dan Guru-Guru Uagama

SERIA. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah bertitah sa-belum Baginda merasmikan pembukaan kursus Pegawai2 dan Guru2 Uagama Sa-Negeri Brunei di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada hari Ahad 25 Ogos yang lalu bahawa Baginda perchaya para hadhirin telah mendengar titah Baginda dalam majlis merasmikan kursus Pegawai2 dan Guru2 Uagama yang telah di-adakan di-Maktab Perguruan Melayu Brunei di-Berakas pada tahun 1962 dalam mana Baginda bertitah bahawa "Ugama ia-lah pemimpin semangat atau rohani kapada bangsa. Ugama Islam satiap masa menyuroh dan memimpin umat-nya kapada kemajuan. Sebab itu mustahak-lah Pegawai2 Uagama itu menambahkan pengetahuan dan pengalaman mereka dalam segala lapangan ilmu dan kepandaian supaya dapatlah mereka menolong umat Islam dan membawa mereka kapada kemajuan yang di-tuntut oleh Ugama Islam."

Terlebih dahulu Baginda telah mengucapkan terima kaseh kapada Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin dan juga kapada Jawatan Kuasa Kerjaisrus tersebut kerana menjemput Baginda merasmikan pembukaan kursus itu.

Selanjut-nya Baginda bertitah, "Pada pagi ini saya sukachita mendengar ucapan Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama menyatakan walau pun ada beberapa kesulitan, tetapi dapat juga di-adakan kursus Pegawai2 Uagama dan Guru2 Uagama pada tahun ini untuk membaharui semangat, perasaan dan pengetahuan supaya dapatlah mereka menghadapi zaman dan perubahan zaman yang sentiasa maju kahadapan itu dengan sa-baik2-nya.

"Sa-benar-nya, Ugama Islam yang mulia sendiri menyuroh dan menggalakkan orang2 memajukan diri dan menuntut menamahkan ilmu pengetahuan pada sa-tiap waktu sa-bagai mana yang telah di-sebutkan oleh Junjongan kita NABI Muhammad s.a.w. — TUNTUT-LAH ILMU SEJAK DARI MULA DI-LAHIRKAN HINGGA KAMU AKAN MATI DI-BAWA KUBOR.

"Maka di-antara chara menambahkan ilmu pengetahuan ia-lah chara mengulang-kaji atau kursus saperti yang di-adakan pada hari ini. Usaha Jabatan Ugama untuk memajukan Pegawai2 Uagama dan Guru2 Uagama ada-lah mustahak untuk menambahkan kebolehan dan kechergasan Pegawai2 itu menunaikan tanggung2 jawab dan tugas mereka sa-bagai pemimpin Ugama dan masyarakat Umat Islam didalam negeri ini."

Seterus-nya Baginda bertitah bahawa Baginda sukachita menyebutkan di-majlis tersebut bahawa "Ranchangan2 Kemajuan Negara, termasuk-lah kemajuan Ugama Islam yang telah di-ranchangkan dengan bijak dan dijalankan dengan bersungguh oleh Kerajaan, mudah2an akan memperoleh hasil yang amat baik yang akan di-rasai untuk kebahagiaan Negeri kita Brunei Darul Sa'am dan ra'ayat sekalian.

"Demikian juga saya tertarek hati kapada pertumbuhan kelas2 dewasa Ugama yang telah begitu kembang dengan chepat dan subur-nya.

"Saya merasa yakin, dengan ada-nya pelajaran ugama di-ajar kapada ra'ayat menerusi kelas2 dewasa itu akan memberi kapada mereka pengetahuan Ugama yang lebih luas dan menghilangkan perasaan atau sangkaan2 bias yang boleh menyesatkan ra'ayat dari keperchayaan iman dan keperchayaan kapada kesuchian ikhlak Islam yang di-perintah oleh Allah.

"Dengan lebih memahami ilmu Ugama Islam itu akan membawa orang kapada takwa dan rajin berusaha meninggikan shiar Islam dan patoh kapada peratoran dan undang2 yang boleh menjamin keselamatan ra'ayat dan negara.

"Oleh yang demikian saya yakin tuan2 umat Islam akan me-



Satu pemandangan di-antara para jemputan serta Pegawai2 dan Guru2 Uagama di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada masa di-adakan pembukaan rasmi Kursus Pegawai2 dan Guru2 Uagama Sa-Negeri Brunei oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada 25 Ogos, 1963.

masuk mana2 kelas dewasa Ugama yang telah di-adakan dan saya menaruh keperchayaan ia itu sekalian Pegawai2 Uagama dan Guru2 Uagama yang berkumpul mengambil kursus di-sini selama empat hari itu akan dapat menerima pelajaran2 dan arahan2 yang akan memberi faedah kapada tuan2 terhadap Ugama, masyarakat dan ra'ayat, di-samping memajukan pengetahuan Ugama bagi diri sendiri.

"Saya mengucap SELAMAT BERKURSUS kapada sekalian yang mengambil bahagian dan saya menyatakan keperchayaan bahawa Jabatan Ugama sentiasa menjalankan tanggungan2-nya terhadap perkembangan Ugama dan menjalankan tugas2 pertadbiran Ugama dengan chekap dan bijak."

Akhir-nya Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah berdo'a sa-moga Allah Subhanahu Wata'ala memberi taufek serta hidayah kapada Umat Islam dan ra'ayat Brunei dan sa-moga segala amal kebajikan yang diusahakan untuk melaksanakan titah perintah Allah di-dalam masyarakat Negeri Brunei akan dibarkati sa-lama2nya.

Kemudian Baginda pun mengishtiarkan pembukaan rasmi Kursus Pegawai2 dan Guru2 Uagama Sa-Negeri Brunei dengan bertitah — "Dengan izin Allah yang asa dan maha berkuasa, maka ini-lah saya dengan sukachitanya merasmikan pembukaan Kursus Pegawai2 Uagama dan Guru2 Uagama Sa-Negeri Brunei bagi tahun 1963 dengan BISMILAH HILRAHMAN NILRAHIM".

NASEHAT TIMBALAN MENTERI BESAR BRUNEI KAPADA PENUNTUT2 SEKOLAH2 UGAMA

SERIA. — Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud telah menyampaikan siji2 kapada 23 orang penuntut2 lelaki dan perempuan yang telah lulus peperiksaan Darjah Enam Sekolah2 Uagama Sa-Negeri Brunei di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada petang hari Isnin 26 Ogos, 1963.

Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Ali menegaskan dalam ucapan beliau bahawa walau pun beliau telah tidak lagi berkhidmat di-dalam Jabatan Ugama (Y.B. Pengiran Dato Setia Haji Ali telah berkhidmat sabagai Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei sa-belum beliau di-lantek menjadi Timbalan Menteri Besar Brunei), akan tetapi Pegawai2 Uagama dan Guru2 Uagama masih mengingati beliau dan sudi menjemput ka-majlis itu serta juga mendengar nasehat beliau.

Seterus-nya beliau berkata, "Sa-bagaimana yang telah disebutkan oleh Tuan Penyusun dan Pengelola Sekolah2 Uagama bahawa tahun ini Pejabat Pelajaran Ugama telah berjaya dengan kelulusan murid2 Darjah Enam, ia itu darjah tertinggi dalam peringkat pelajaran rendah Ugama di-negeri ini, saya juga sama2 bersyukur atas kejayaan ini, ke-

rana lima tahun dahulu tentulah tiada banyak orang yang menyangka bahawa kita akan beroleh kemajuan saperti pada hari ini.

"Pada hari ini, ia-lah satu SA'AT YANG BERSEJARAH kapada pelajar2 Uagama dan juga kapada ra'ayat Islam di-negeri ini, ia itu berpuoloh2 pemuda kita telah lulus dan mendapat ijazah atau tauliah atau pengakuan bahawa mereka telah lulus pelajaran rendah ugama, yang mana dengan itu telah melayangkan mereka dalam hal ehwal Ugama Islam."

Seterus-nya beliau menasehatkan penuntut2 tersebut dengan berkata "Pelajaran Ugama yang telah tuan2 berjaya memperolehi-nya itu ada-lah sa-bagai langkah permulaan arti-nya tuan2 harus melangkah kaki masuk ka-rumah ilmu pengetahuan. Di-dalam rumah itu akan tuan2 temui bermacam2 perkara, bermacam jenis

barang2 yang berharga dan 'ajaib.

"Maka jangan-lah tuan2 berpuas hati sakudat melangkah masuk sahaja ka-dalam gedong ilmu tanpa memerhati, merasa, mengambil segala2 yang berharga didalam-nya. Jelas-nya tuan2 sedang menghadapi suatu ZAMAN GEMILANG dalam menuntut ilmu2 Uagama yang lebih tinggi, jadi jangan-lah hendak-nya tuan2 berpuas hati sa-kadar mendapat Sijil Kelulusan Darjah Enam sahaja, tetapi wajib-lah di-ingat siji2 itu sa-bagai alat untuk mendapatkan ilmu yang lebih luas dan tinggi."

Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Ali kemudian-nya menyatakan kapada penuntut2 yang telah tidak berjaya dalam Peperiksaan Darjah Enam Sekolah Ugama bahawa beliau yakin tidak-lah semua yang kita chita2kan itu boleh berjaya dengan sekali gus semua sa-kali.

"Jika tidak berjaya kali ini, kita harus bersikap kuat, 'azam dan chita2 untuk menebus kemundoran itu dengan bekerja atau belajar lebih keras. Allah sentiasa menolong hamba-nya yang kuat berusaha menolong diri-nya", tegas beliau lagi.

KERJA - KERJA KOSONG

Tukang Pelan

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untuk memenohi jawatan kosong sebagai Tukang Pelan di-Pejabat Daerah dan Tanah, Brunei.

Gaji: Dalam sukatan gaji D(b)5 — \$290x20-330.

Hanya mereka yang mempunyai kelayakan2 yang tersebut dibawah ini di-kehendaki memohon:—

- Pemohon2 mesti-lah berke-lulusan Darjah V Sekolah Me'ayu.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai tulisan yang baik.
- Pemohon2 mesti-lah berke-lulusan Ilmu Hisab rendah.
- Pemohon2 mesti-lah pandai membuat "tracing" dan menggunakan "scale" menyukat.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 21 Sept. 1963.

PERADUAN KESEHATAN KANAK2

KUALA BELAIT. — Satu peraduan kesehatan tuboh kanak2 yang berumur di-antara enam bulan hingga ka-satu tahun akan di-adakan pada petang 27 September, 1963 bertempat di-kawasan Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia di-Jalan Bunga Raya, Kuala Belait.

Ibu2 yang ingin memasoki anak2 mereka bertanding dalam peraduan tersebut ada-lah di-minta berhubung dengan Sister isteri Inche Roslee Teo atau Sister Frank Chin di-Rumah Sakit Kerajaan di-Kuala Belait atau pun dengan Sister Liew Peng Pet di-Klinik Kerajaan, Seria dengan saberapa segera.

Peluang Untuk Belajar Di-Sekolah Pertanian Serdang

Jabatan Pertanian Brunei berchadang hendak menghantar dua orang penuntut ka-Sekolah Pertanian Serdang, Malaya pada awal tahun 1964.

Sa-siapa yang ingin memasoki sekolah ini di-kehendaki menghantar permohonan ka-pada Pegawai Pertanian Negara, Jabatan Pertanian, Brunei, tidak lewat dari 28 September, 1963.

Satu peperiksaan pemilihan akan di-adakan pada bulan Okto-

Guru2 Ugama Pelateh 23 Jawatan Kosong

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada murid2 Sekolah Ugama Kerajaan Brunei lelaki dan perempuan untuk memenohi 23 jawatan kosong sebagai Guru Ugama Pelateh di-Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 hendak-lah lulus Darjah VI Sekolah Ugama Kerajaan Brunei.
- Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei.
- Berumur di-antara 16 hingga 25 tahun.

Gaji: Dalam sukatan gaji F.4 — \$160.00 sa-bulan.

Chalon2 yang berjaya hendak-lah ta'at dan sanggup mengajar di-mana2 sekolah yang akan di-atorakan oleh Pengelola Pelajaran

Ugama Brunei dan sanggup bertukar ka-mana2 sahaja yang diperintahkannya.

Ada-lah di-ma'alomkan ia-itu manakala perkhidmatan genap sa-tahun, peperiksaan akan di-adakan untuk melayakkan diri menjadi Guru Ugama Yang Tidak Terlatah.

Sa-kira-nya di-dapati tidak lulus dalam peperiksaan maka perkhidmatan akan di-berhentikan dari jawatan dengan tidak mendapat apa2 sagu hati dari Kerajaan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Penge-tua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat dari 18 September, 1963.

PENJAGA BILEK BACHAAN

Permohonan2 ada-lah di-je-mput daripada ra'ayat2 Sultan untuk memenohi 2 jawatan kosong sebagai Penjaga Bilek Bachaan di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VII Sekolah Me'ayu.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$183 x 7-211-220x10-260-280x10-300.

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia berkhidmat dalam sebarang daerah di-Negeri ini.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 23 September, 1963.

TERIMA KASEH BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Kelab2 Belia Sa-Malaya (M.A.Y.C.) dan juga wakil2 persatuan itu yang telah melawat ka-Negeri Brunei pada bulan Ogos yang lalu menguchapkan ber-banyak2 terima kaseh kepada Persatuan Seni Budaya Melayu Brunei serta kepada persatuan2 belia di-Negeri Brunei dan lain2-nya yang telah meraikan belia2 dari M.A.Y.C. dan juga memberikan berbagai2 pertolongan kepada para pelawat itu sa-masa lawatan mereka ka-negeri ini.

Uchapan terima kaseh itu ada-lah terkandung dalam sa-puchok surat yang telah di-alamatkan oleh Inche Chong Thin Huatt, seorang Ahli Jawatan Kuasa Tadbir, Persatuan Kelab2 Belia Sa-Malaya yang telah menjadi ketua rombongan, lawatan belia2 tersebut ka-Brunei kepada Inche Zulkiflee bin Haji Abdullah, Naib Yang Dipertua, Persatuan Seni Budaya Melayu Brunei yang telah bertugas sa-bagai sa-orang Pegawai Perhubungan lawatan muhibbah belia2 dari M.A.Y.C. ka-Brunei.

Dalam surat-nya Inche Thin Huatt berkata bahawa para pelawat tersebut telah dapat peluang bertemu sa-mula dengan sahabat2 yang lama dan juga berke-

nanan dengan sahabat2 yang ba-haru sa-masa lawatan mereka ka-Brunei.

Bertambah2 pula, kata Inche Thin Huatt, sunggoh pun beliau dan belia2 tersebut dari M.A.Y.C. telah balek ka-tempat masing2 di-Malaya, namun begitu mereka akan tetap kenangkan selama2-nya budi baik yang telah di-tun-jokan kepada mereka oleh belia2 dan lain2-nya di-Brunei.

PERADUAN MENGARANG LAKUNAN SANDIWARA RADIO

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Mengarang Lakunan Sandi-wara Radio telah mendapat sambutan yang baik dari kalangan para penulis, lelaki dan perempuan, di-Negeri Brunei.

Peraduan itu telah di-tutup pada 2 September dan sa-telah di-tapis, hanya empat buah karangan sahaja telah di-dapati sesuai untuk di-jadikan sandiwaras radio.

Tiap2 karangan yang terpilih itu, bertajok "AKU RA'AYAT BRUNEI" akan di-pancharkan oleh Radio Brunei Bahagian Me-layu pada masa dan tarikh2 yang telah di-tetapkan dan akan di-hakimkan melalui udara.

Pada masa di-hakimkan peraduan tersebut hanya nama samaran tiap2 penulis akan di-umomkan. Bagaimana pun, nama tiap2 penulis yang sa-benarnya akan di-umomkan oleh Radio Brunei sa-telah selesai di-ada-

kan peraduan mengarang tersebut.


Nama2 penulis2 tersebut yang sa-benar-nya akan di-siarkan oleh Pelita Brunei pada hari Rabu 2 Oktober, 1963.

Nama2 samaran penulis itu ia-lah:

Adi Abdullah, Awang Nadim, S. Ramona dan Noor Insan.

Radio Brunei akan menyiarkan karangan Adi Abdullah pada pukul 7.15 malam 20 September; karangan Awang Nadim pada pukul 7.15 malam 22 September; karangan S. Ramona pada pukul 7.15 malam 24 September dan karangan Noor Insan pada pukul 7.15 malam 26 September.

BRUNEI MENANG PERISAI D. Y. M. M.



Pasokan Kriket Sekolah2 Sa-Negeri Brunei telah berjaya memenangi sa-mula Perisai yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan sa-telah Pasokan Kriket Sekolah2 Negeri Brunei menqalahkan Pasokan Kriket Sekolah2 Sabah di-Padang Shell Recreation Club, Seria dengan satu "inning" dan 21 "lari" baharu2 ini. Gambar kiri—Pegawai Daerah Belait, Pqn. Momin bin Pqn. Haji Ismail kelihatan sedang menyampaikan Perisai yang di-kurniakan oleh D.Y.M.M. kepada Ketua Pasokan Kriket Sekolah2 Sa-Negeri Brunei. Gambar kanan — Pegawai2 dan pemain2 Pasokan Kriket Sekolah2 Sa-Negeri Brunei.

TEMASHA PERLUMBAAN PERAHU DI-SUNGAI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Temasha perlumbaan perahu bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan akan di-adakan di-Sungai Brunei pada hari Ahad 22 September mulai daripada pukul 8 pagi.

Ranchangan perlumbaan perahu itu sa-bagai mana yang telah di-sediakan oleh Jawatan Kuasa Perlumbaan Perahu tersebut adalah seperti berikut:

8 pagi: 1 orang pelumba daripada Subok.

8.30 pagi: 10 orang pelumba daripada Ulu Lorong Dalam.

9 pagi: 3 orang pelumba daripada Pekan Lama.

9.30 pagi: 15 orang pelumba daripada Ulu Burong Pingai.

10 pagi: 5 orang pelumba daripada Pandai Besi.

10.30 pagi: 20 orang pelumba daripada Buang Tekurok.

11.30 pagi: 8 orang pelumba daripada Ulu Lorong Dalam.

1.30 petang: 10 orang pelumba daripada Ulu Lorong Dalam.

2.30 petang: 15 orang pelumba daripada Ulu Burong Pingai.

3.30 petang: 20 orang pelumba daripada Buang Tekurok.

4 petang: Perlumbaan antara Pejabat2 Kerajaan. Perlumbaan

ini akan di-mulai daripada hadapan bangunan Royal Brunei Yacht Club.

5 petang: 30 orang pelumba daripada Kuala Lumapas.

Sa-lain daripada perlumbaan2 perahu tersebut, peraduan menangkap itek dan peraduan bertiti di-atas kayu yang lichin akan di-jalankan pada masa di-langsangkan temasha perlumbaan2 perahu itu.

PERTANDINGAN AKHIR "TALENTINE"

SERIA. — Pertandingan akhir "Talentine" di-bawah anjoran Radio Brunei, Bahagian Inggeris telah di-langsangkan di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada malam 1 September dengan di-saksikan oleh ramai para penonton dari berbagai2 bangsa.

Hadiah2 kepada peserta2 yang telah berjaya dalam pertandingan itu telah di-sampaikan oleh Penolong Pegawai Daerah Seria, Pengiran Syed Shahminan sa-telah selesai pertandingan tersebut.

Peserta2 yang berjaya dalam pertandingan "Talentine" itu adalah seperti di-bawah ini:

Bahagian Pasokan Pancharagam: Johan—Pasokan Victor Loo Naib Johan — Pasokan Nelson Phang.

Bahagian Nyanyian Persa-orangan: Johan — Subash Ma-

thews. Hadiah2 sagu hati — Chie Min Chong, Omar Mohamad, Ronnie Ng, Benny Toan, Clement Swee, Edna Chong dan Jimmy Keasberry.

Bahagian Bermain Alat Pancharagam Persa-orangan: Johan —Victor Loo. Hadiah2 sagu hati —Ronald Fong, George Dixon dan Lim Chin Thian.

Bahagian Nyanyian Antara Pasokan2: 1. Mathews dan saudaranya 2. Pasokan O-man Paun dan 3. Pasokan Belles.



Inche Jack Carnegie dari Radio Brunei kelihatan dalam gambar ini sedang memperkenalkan Victor Loo, sa-orang penyanyi yang terkenal, kepada para penonton di-temasha pertandingan akhir "Talentine", di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada malam 1 September.

Pertandingan "Mister" Dan "Miss" Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan2 untuk merebutkan gelaran "Mister Brunei Tahun 1963" serta "Junior Mister Brunei Tahun 1963" dan juga "Miss Brunei Tahun 1963" akan di-adakan di-dewan Maktab Sultan Omar A'i Saifuddin, Bandar Brunei dalam bulan ini sa-bagai salah satu acara sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Pertandingan2 pemilihan akan di-adakan pada malam 19 September, manakala pertandingan2 akhir akan di-langsangkan pada malam 20 September.

Perlawanan2 Akhir Sepak Raga Jaring

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan2 akhir Sepak Raga Jaring kerana menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan akan di-adakan di-kawasan permainan tennis di-Bandar Brunei pada 24 September mulai pada pukul 7.30 malam.

Perlawanan itu di-adakan di-bawah anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei seperti berikut:—

BAHAGIAN "A"

Persatuan Sepak Raga Pemuda melawan Persatuan Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda.

BAHAGIAN "B"

Persatuan Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda I melawan rakan-nya Persatuan Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda II.

PERLUMBAAN "BIG WALK"

BANDAR BRUNEI. — Perlumbaan Berjalan Kaki Jarak Jauh ("Big Walk") akan di-adakan pada hari Ahad 6 Oktober, 1963 di-bawah anjoran Persatuan Tinju Negeri Brunei.

Perlumbaan untuk peserta2 lelaki ia-lah sejauh 17 batu dari Pekan Muara ka-Bandar Brunei, manakala perlumbaan untuk peserta2 wanita pula ia-lah sa-jauh 8½ batu dari Sungai Hanching ka-Bandar Brunei.

Peserta2 lelaki dan perempuan yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam perlumbaan itu ada-lah di-minta menghantar permohonan mereka tidak lewat dari 20 September kepada Inche Palaniandy di-Jabatan Elektrik, Bandar Brunei; atau Inche Chua Kong Heng di-Pejabat Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei; atau Inche P.D. Graham di-Pejabat Perhubungan Raya Sharikat Minyak Shell, Seria.

Wakil2 Brunei Menghadhiri Perayaan2 Kelahiran Malaysia

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Kerajaan Brunei telah di-wakilⁱ di-istiadat² perayaan kelahiran Malaysia pada 16 September.

Baginda telah di-wakilⁱ oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Dato Paduka Haji Mohamed bin Pengiran Piut, sa-orang Chateria Kanan di-perayaan menyambut kelahiran Malaysia di-Kuala Lumpur. Beliau telah di-iringi oleh Y.M. Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Menurut satu pengumuman Kerajaan, Duli Yang Maha Mulia berhasrat hendak berangkat untuk menghadhiri perayaan tersebut, akan tetapi oleh kerana Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri baharu sahaja bersalin dan menurut 'adat istiadat Brunei, Baginda tidak dapat berangkat jauh dari Brunei sa-belum lepas 100 hari sa-telah Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri bersalin. Bagaimana pun, Baginda telah melantek sa-orang wakil peribadi Baginda untuk menghadhiri perayaan tersebut.

Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud dan Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah mewakili Kerajaan Brunei di-perayaan menyambut kelahiran Malaysia di-Kuala Lumpur.

Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Omar telah mewakili Kerajaan Brunei di-perayaan menyambut kelahiran Malaysia di-Singapura.

Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar telah mewakili Kerajaan Brunei di-perayaan menyambut kelahiran Malaysia di-Jesselson.

Pesuruh Jaya Buroh Negeri Brunei, Yang Berhormat Pengi-

ran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim telah mewakili Kerajaan Brunei di-perayaan menyambut kelahiran Malaysia di-Kuching.



Inche Lim Teck Hin, Puan Masni binti Awang dan Inche Zaini bin Abdul Hamid, tiga orang Guru2 Sekolah, kelihatan dalam gambar ini dari kiri ka-kanan sa-belum mereka berangkat dari Brunei ka-England pada hari Rabu 13 September, 1963 untuk melanjutkan pelajaran mereka di-sana.



Awang Husin bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Paduka Haji Mohamed Yusof (tengah) kelihatan dalam gambar ini sa-masa menghadhiri Persidangan Pertubohan Pertanian dan Perikanan serta Surohan Jaya Perekonomian untuk Asia dan Timor Jauh di-Bangkok baharu2 ini sa-bagai Wakil Negeri Brunei. Di-kiri ia-lah Penasehat Ekonomi Pertubohan Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan Brunei, Dr. J.S. Gould yang telah menemani Awg. Husin ka-persidangan tersebut.

TUNTUTAN DOKTOR RUSLAN TIDAK BERASAS

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Negeri Brunei ingin menerangkan bahawa tuntutan Menteri Penerangan Indonesia, Doktor Kuslan Abdul Gani sa-takat yang mengenai Brunei di-dalam satu kenyataan yang di-buat oleh beliau baharu2 ini di-Permatang Siantar di-Timor Sumatra ada-lah satu tuntutan yang tidak berasas.

Walau pun keputusan yang telah di-ambil oleh Brunei tidak mahu memasokki ka-dalam Persekutuan Malaysia, bukan-lah berti bahwa Brunei hendak memutuskan perhubungan-nya berbaik2 dengan negeri2 yang me-

masukki Malaysia dan bukan juga berti bahwa Brunei hendak bera'eh tadah dan berchita2 hendak menyatukan Negeri Brunei dengan negeri2 lain di-luar Malaysia.

Keputusan yang telah di-ambil oleh Brunei ada-lah keputusan yang di-ambil oleh Brunei sendiri dan tidak mempunyai sebarang pengaruh dari luar atau dari sebarang satu orang yang ingin hendak menchebor keamanan Negeri Brunei Darul Salam. Demikian bunyi satu pengumuman yang di-terbitkan oleh Kerajaan Brunei pada 29 Ogos, 1963.

Yang Dipertua Partai Perikatan Ra'ayat Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Umar berkata bahawa kenyataan yang telah di-buat oleh Menteri Penerangan Indonesia itu tidak-lah berasas dan telah di-buat oleh sa-orang dalam mimpi."

Partai Perikatan Ra'ayat Brunei, tegas Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali, menoa'ak dengan sa-keras2-nya terhadap kenyataan yang telah di-buat oleh Menteri Penerangan Indonesia.

"Kami ada-lah TETAP dengan pendirian kami menyokong apa sahaja keputusan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan. "Sunggoh pun Brunei tidak memasokki Malaysia, bukan-lah berm'aana yang negeri ini berhasrat hendak bergabung dengan Indonesia", kata Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali.

Pertandingan Akhir Bola Sepak

BANDAR BRUNEI.—Brunei Sports Club akan melawan Maktab Perguruan Melayu Brunei 'A' dalam pertandingan akhir bola sepak bagi menyambut Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang 24 September, 1963.



Gambar ramai para peserta yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan akhir "Talentine" yang telah di-adakan di-dewan Maktab Anthony Auel, Seria pada malam 1 September, 1963 di-bawah anjoran Radio Brunei. Dalam gambar ini juga kelihatan beberapa orang anggota Radio Brunei, Bahagian Inggeris.